



Pekerja Hypergard, Samantha Ng menunjukkan **filem cermin gelap yang kadar telus cahayanya 50 peratus (kiri) bagi cermin hadapan dan 30 peratus kadar telus cahaya (kanan) bagi cermin sisi** yang mungkin akan diluluskan penggunaannya oleh Kementerian Pengangkutan.

(FOTO DANIAL NOORDIN/BH)

Kenderaan jadi 'rojak'

BH 4/6/14 msz

» Ketelusan tak seragam susahkan pengusaha bengkel

Oleh Siti Nursyazwani Mahalil
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Bersetuju dengan keputusan mengurangkan kadar ketelusan cahaya (VLT) untuk cermin penumpang belakang dan belakang kenderaan, pengusaha kedai aksesori berharap pihaknya tidak dipersalahkan jika pelanggan mahukan cermin gelap melebihi kadar ditetapkan.

Pengusaha bengkel aksesori kenderaan, Beh Chu Chii, 35, berkata dia hanya menjalankan perniagaan dan sekadar memenuhi permintaan pelanggan.

Peratusan tidak seragam

“Saya bersetuju dengan keputusan pihak berkuasa mengurangkan kadar ketelusan cahaya, tetapi peratusan yang tidak seragam menyebabkan kenderaan menjadi seperti ‘rojak’.

“Sepatutnya cermin sisi pemandu dan penumpang serta belakang perlu sama peratusannya kerana ia menyusahkan mereka untuk menukar sebahagian saja cermin gelap mengikut kadar yang dipersetujui kerajaan,” katanya ketika ditemui di Bandar Tasik Se-

Info

Perbandingan kadar ketelusan cahaya (VLT) sebelum ini di Malaysia dan negara lain

Negara	Cermin depan	Cermin kanan & kiri pemandu	Cermin penumpang belakang
• Malaysia	70%	50%	50%
• Singapura	70%	50%	25%
• Thailand	70%	Tidak ditetapkan	Tidak ditetapkan
• Brunei	70%	70%	70%
• Jepun	70%	75%	Tidak ditetapkan
• United Kingdom	75%	70%	Tidak ditetapkan
• Australia	70%	35%	35%
• New Zealand	70%	35%	35%

Sumber: Jabatan Pengangkutan Jalan

“Kadar telus cahaya cermin sisi pemandu dan penumpang perlu seragam dengan belakang kenderaan untuk tujuan keselamatan”

Jeff Lock,
Pekerja kedai aksesori



latan di sini, semalam.

Pekerja bengkel aksesori kenderaan, Lim Jun Liang, 44, pula berkata dia menyokong keputusan pindaan berkena-

an, tetapi kadar telus cahaya bagi cermin depan sepatutnya diturunkan sehingga 60 peratus berbanding 70 peratus ketika ini.

“Pemandu kenderaan akan silau dengan cahaya matahari apabila tersekat dalam kesesakan lalu lintas. Tetapi ia tidak perlu lebih daripada 50 peratus bagi memudahkan mereka melihat di bahagian depan kenderaan,” katanya ketika ditemui di bengkelnya di Bandar Tasik Selatan.

Bagi pekerja kedai aksesori kenderaan di Sungai Besi, di sini, Jeff Lock, 31, kadar telus cahaya cermin sisi pemandu dan penumpang perlu seragam dengan belakang kenderaan untuk tujuan keselamatan.

“Ini bagi mengurangkan risiko barang berharga yang diletakkan dalam kereta dapat diperhatikan orang luar,” katanya.